



---

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN  
BIL. 5/2020**

---

**PENDAFTARAN PERLETAHKAKAN BERKANUN BAGI TANAH  
WAKAF DI BAWAH SEKSYEN 416C KANUN TANAH NEGARA**

**© Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan 2020**

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk Dokumen	Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Bil. X/2020  Pendaftaran Perletakhakan Berkanun Bagi Tanah Wakaf Di Bawah Seksyen 416C Kanun Tanah Negara
Disediakan oleh	Bahagian Pendaftaran Sektor Pendaftaran Tanah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
Alamat	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Aras G-6, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, 50678 Kuala Lumpur
Telefon	03 -2610 3300
Faks	03 – 2610 3499
E-mel	tanahwila@ptgwp.gov.my
Kategori dokumen	Terhad
Tarikh kuasa	Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 18 Februari 2020.

## **1. Tujuan**

Tujuan pekeliling ini dikeluarkan adalah sebagai panduan untuk menguruskan permohonan dan pendaftaran urusan perletakhkan berkanun bagi tanah wakaf kepada Majlis Agama Islam di bawah seksyen 416C Kanun Tanah Negara di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

## **2. Latar Belakang**

- 2.1 Seksyen 416C Kanun Tanah Negara menyatakan bahawa Pendaftar hendaklah mengendorskan perletakhkan berkanun di atas dokumen hakmilik daftaran sekiranya menerima permohonan secara bertulis daripada penerima pindahan yang memperolehi hak atau entitlement dengan cara suatu derma, hadiah, warisan, kebenaran, persetujuan atau apa-apa cara lain daripada pemindah atau mana-mana pendulu dalam hakmilik pemindah.
- 2.2 Menurut Seksyen 61 Akta Pentadbiran Undang-Udang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], Majlis Agama Islam hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazar ‘am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam, atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syara’.
- 2.3 Merujuk Seksyen 416C Kanun Tanah Negara, tanah yang dipegang oleh pemindah, boleh diwakafkan secara keseluruhan atau sebahagian. Pemindah di bawah seksyen ini merujuk kepada pemilik berdaftar.
- 2.4 Sekiranya keseluruhan tanah atau bahagian diwakafkan, keseluruhan tanah dan bahagian itu hendaklah terletakhak kepada Majlis Agama Islam.
- 2.5 Sekiranya sebahagian tanah atau bahagian diwakafkan, sebahagian tanah atau bahagian tersebut hendaklah diletakhak kepada Majlis Agama Islam dan baki daripada bahagian tanah atau bahagian tersebut hendaklah didaftarkan kembali kepada pemindah atau pemilik berdaftar asal.
- 2.6 Walau bagaimanapun, pemberian secara wakaf melibatkan sebahagian tanah atau bahagian bagi tanah pertanian adalah

- tertakluk kepada sekatan di bawah seksyen 205(3) Kanun Tanah Negara. Sebahagian tanah atau bahagian tanah pertanian yang hendak diletakhak di bawah seksyen 416C dan baki tanah untuk didaftarkan semula kepada pemindah hendaklah berkeluasan tidak kurang dua per lima hektar masing-masing.
- 2.7 Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah mengeluarkan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 8/1999 untuk menasihatkan Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah supaya menggunakan Seksyen 416C Kanun Tanah Negara dalam mendaftarkan tanah wakaf. Di samping itu, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 2/2016 dikeluarkan bertujuan untuk menyediakan format surat permohonan perletakhakan tanah wakaf yang seragam.

### **3. Garis Panduan**

- 3.1 Permohonan Perletakhakan Tanah Wakaf hendaklah dikemukakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut:
- (a) Surat Permohonan Perletakhakan Tanah Wakaf (mengikut Surat Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 2/2016);
  - (b) Borang Penyataan Wakaf (Sighah);
  - (c) Cabutan Minit Mesyuarat Keputusan Jawatankuasa Wakaf; dan
  - (d) Dokumen Hakmilik Keluaran asal, jika ada.
- 3.2 Permohonan dibuat di bawah urusan Perletakhakan Tanah Wakaf (PBTW).
- 3.3 Endorsan di atas dokumen hakmilik daftaran bagi tanah atau bahagian yang terletakhak ke atas Majlis Agama Islam ditambah maklumat jenis wakaf sama ada Wakaf Am atau Wakaf Khas sebagaimana dinyatakan di dalam borang Penyataan wakaf (Sighah) dan nama pewakaf (Wakif) dipaparkan di atas dokumen hakmilik.

3.4 Contoh endorsan di atas hakmilik adalah seperti berikut:

**REKOD KETUANPUNYAAN**

(Maklumat Penerima Pindahan (Mawquf 'Alaih)) sebagai Wakaf Am/Khas

**REKOD URUSAN**

No. Perserahan PDB1851/2020 Perletakhakan Berkanun Tanah Wakaf

oleh (Maklumat Pemindah (Wakif))

kepada (Maklumat Penerima Pindahan (Mawquf 'Alaih)) sebagai Wakaf Am/Khas  
Mengikut Seksyen 416C KTN

mulai dari (Tarikh Borang Penyataan wakaf (Sighah)

didaftarkan pada (tarikh serahan) jam (waktu serahan) pagi/petang


(No. Rujukan Fail: (no. fail Majlis Agama Islam))

**4. Tarikh Kuatkuasa**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 18 Februari 2020.

**5. Pemakaian**

Pekeliling ini terpakai kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.



**DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD**  
Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

No Fail : PTG/WP.100-2/26

Bertarikh : 28 April 2020